

07 SEP 1998

Zahid-Anwar

ZAHID TOLAK GESAAN LETAK JAWATAN

KUALA LUMPUR, 7 Sept (Bernama) -- Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Ahmad Zahid Hamidi hari ini menolak gesaan supaya beliau meletak jawatan ekoran pendirian pergerakan itu berhubung pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada Kabinet dan parti.

Dalam satu kenyataan, Zahid berkata beliau belum berhasrat untuk meletakkan jawatan kerana tidak mempunyai sebab yang kukuh untuk berbuat demikian.

"Sejak beberapa hari lalu timbul pelbagai andaian dan dakwaan mengenai kedudukan dan pendirian Pemuda Umno berhubung pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Mengenai kedudukan jawatan saya, ia adalah merupakan jawatan yang dipilih dalam Perhimpunan Agung Tahunan Pergerakan Pemuda Umno pada 9 Okt 1996. Hanya perwakilan yang akan menentukan kedudukan saya yang telah memilih saya secara demokratik," katanya.

Zahid menyatakan demikian sebagai respons kepada gesaan daripada Ketua-ketua Pemuda Wilayah Persekutuan dan Sabah supaya beliau meletakkan jawatan kerana gagal menyatakan pendiriannya berhubung pemecatan Anwar.

Anwar dipecat daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Rabu lepas dan juga daripada Umno sehari kemudian. Beliau didakwa terlibat dalam salahlaku seksual, rasuah dan membocor rahsia negara.

Beliau telah menafikan sekeras-kerasnya semua tuduhan itu dan mendakwa ia adalah satu konspirasi untuk menjatuhkannya.

Zahid juga tentang menjelaskan kehadiraninya di rumah Anwar bersama penyokong-penyokong lain ekoran pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri itu. Katanya, beliau berada di rumah Anwar sebagai tanda simpatinya kepada keluarga Anwar.

Beliau berkata ia tidak harus dilihat daripada sudut yang lain kerana pendirian Pemuda Umno adalah selaras dengan keputusan yang diambil oleh mesyuarat Pemuda Barisan Nasional (BN) pada Khamis lepas untuk tetap berdiri teguh di belakang kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri dan Presiden Umno.

-- BERNAMA

AU NMO